



**MODUL PINTAS
TINGKATAN 5
BAHASA MELAYU
Kertas 2**

1103/2

$2\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

**PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU K2**

1103/2

Markah penuh: 100 markah

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** markah dan dibahagikan kepada

Soalan 1 : **8** markah

Soalan 2 : **6** markah

Soalan 3 : **11** markah

Soalan 4 : **4** markah

Soalan 5 : **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata sendi nama yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata sendi nama tersebut. Pastikan kata di belakang kata sendi nama tersebut merupakan kata nama. Selain itu, **sekiranya terdapat kata sendi nama yang juga boleh berfungsi sebagai apa-apa golongan kata yang lain, ayat yang dibina dengan kata dalam golongan kata tersebut dianggap salah.**

Contoh:

Kata sendi nama: dalam

Ayat yang **betul**: Jawapan mesti ditulis **dalam** bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sahaja.

Ayat yang **salah**: Longkang di belakang rumah datuk sangat **dalam**. (*dalam* dalam ayat ini berfungsi sebagai kata adjektif)

Kata sendi nama: dengan

Ayat yang **betul**: Ibu memotong roti yang baru dikeluarkan dari ketuhar **dengan** pisau itu.

Ayat yang **salah**: Ibu memotong roti yang baru dikeluarkan dari ketuhar **dengan** menggunakan pisau itu. (*dengan* dalam ayat ini berfungsi sebagai kata hubung)

3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan s soalan.

Soalan 1 – Morfologi

- (i) **atas**
1. kerana (cth: Perkahwinan mereka bukan atas dasar cinta seperti pasangan zaman moden ini)
 2. terhadap (cth: Pemandu lori itu tidak mengaku salah atas tuduhan membawa lori secara berbahaya sehingga menyebabkan kematian)
 3. dengan (cth: Beliau berpuas hati atas kemajuan yang dicapai setakat ini.)
 4. tentang; mengenai (cth: Kajian ini berkisar atas konsep kebudayaan.)
 5. pada (cth: Adakah persaudaraan itu bergantung atas kebendaan dan materialisme?)
 6. mengikut; berdasarkan (cth: Pada keseluruhannya, drama tentulah bergerak atas perkembangan plot secara dramatik.)
- **salah** jika digunakan sebagai kata arah (cth: di atas meja) – 0 markah
- (ii) **kepada**
1. arah ke (dipakai sebelum nama orang atau kata pengganti diri) (cth: ...mengirimkan surat kepada orang tuanya)
 2. menyatakan sasaran yang merujuk manusia atau sesuatu; terhadap (cth: ...berbuat baik kepada golongan miskin)
 3. menyatakan hubungan pemilikan, penguasaan, pengawalan dsb antara sso atau sst dengan sso atau sst yang lain. (cth: ...ibu kepada Razak)
- (iii) **dalam**
1. lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak
- **salah** jika digunakan sebagai kata arah (cth: di dalam bilik) atau kata adjektif (cth: perigi itu sangat dalam) – 0 markah
- (iv) **seperti**
1. perbandingan antara dua benda atau perkara yang dianggap serupa
 2. sesuai dengan atau sebagaimana
 3. seolah-olah; seakan-akan
 4. misalnya; contohnya
 5. sama halnya dengan sesuatu
- (v) **dengan**
1. bersama-sama atau berserta
 2. cara sesuatu itu dilakukan (cth: ...dengan kerjasama; dengan bacaan doa; dengan hati terbuka; dengan semangat perpaduan)
 3. memakai atau menggunakan (cth: ...dengan daun pisang; dengan gunting)
 4. perbandingan yang serupa atau sama (cth: sependapat dengan saya; akar dengan rotan; emas dengan perak)
- **salah** jika digunakan sebagai kata hubung (cth: dengan bersungguh-sungguh; dengan menggunakan daun pisang) – 0 markah
- (vi) **di** – menunjukkan tempat
- (vii) **selain** – untuk menyatakan perkara lain

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

Perhatian bagi Soalan 2

1. Calon mesti mengekalkan urutan asal ayat dalam petikan.
2. Sekiranya urutan ayat telah diubah ketika menggabungkan ayat, berikan 0 markah.
3. Maksud asal petikan mestilah sama dengan maksud jawapan calon.
4. Calon mesti menggunakan kata hubung yang sesuai ketika menggabungkan ayat.
5. Hanya tiga ayat majmuk dibenarkan. Jika calon membina lebih daripada tiga ayat majmuk, maka ayat keempat tidak akan dinilai.
6. Sebaliknya, jika calon hanya membina dua ayat majmuk, maka markah maksimum hanya 4 markah.
7. Setiap ayat majmuk yang betul diberi 2 markah. Oleh itu, markah maksimum bagi tiga ayat majmuk yang dibina ialah 6 markah.
8. Sekiranya terdapat kesalahan ejaan atau kesalahan bahasa semasa proses penggabungan ayat, tolak 1 markah daripada keseluruhan jawapan.
9. Jawapan mesti ditulis dalam bentuk **petikan**. Sekiranya murid menulis jawapan dalam bentuk ayat-ayat yang terasing (iaitu bukan dalam satu perenggan), tolak **1** markah daripada keseluruhan jawapan.

Industri makanan sejuk beku **yang** semakin berkembang bak cendawan tumbuh selepas hujan menjadi pilihan warga Malaysia pada masa ini. Makanan sejuk beku mempunyai harga yang berpatutan **dan** mudah disediakan. Kaedah sejuk beku ini bukan sahaja mampu menghalang pertumbuhan mikroorganisma dalam makanan **tetapi** juga merupakan salah satu cara pengawetan makanan tanpa melibatkan bahan kimia pada suhu negatif 18 darjah Celcius.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

- | | | |
|-------|------------|--------------|
| (i) | adalah | - ialah |
| (ii) | kelongsang | - kelongsong |
| (iii) | lipatan | - anyaman |
| (iv) | diutara | - di utara |
| (v) | oleh | - dengan |

[Maksimum: 5 markah]

Bahan 2

- | | | |
|-------|-------------|----------------|
| (i) | mensasarkan | - menyasarkan |
| (ii) | di antara | - antara |
| (iii) | melitupi | - meliputi |
| (iv) | atas talian | - dalam talian |
| (v) | daripada | - dari |
| (vi) | QR kod | - kod QR |
| (vii) | carikah | - cari |

[Maksimum: 6 markah; mana-mana 6 daripada 7]

Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi soalan 4.

Deskripsi	MARKAH
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	3
Isi cukup dan lengkap, ayat mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	
Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Sembah Temenggung, “Ya, tuanku, patik memohon ampun dan kurnia/keizinan. Pada malam ini, patik sendirilah yang berkawal. Di setiap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya-kaya telah patik jaga/kawal. Namun, tiada seorang pun yang patik temui/jumpai. Semua titah duli yang maha mulia telah patik junjung/turuti/patuhi.”

Soalan 5 – Peribahasa

(i)	kais pagi makan pagi, kais petang makan petang/ bagai kerakap tumbuh di batu, hidup segan mati tak mahu	2
(ii)	untung sabut timbul, untung batu tenggelam/ asal sabut terapung, asal besi tenggelam	2
(iii)	usaha tangga kejayaan/ berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian/ kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya	2

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup/ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup/ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup/menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas/ayat gramatis	3
Isi cukup/menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas/ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup/menyentuh semua bahan/ayat gramatis	2
Isi tidak cukup/tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) /relevan dengan tugas/ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi)/relevan dengan tugas/ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi)/ayat gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi)/ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi)/ayat gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi)/ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6 – Petikan Umum

i. Dua faktor

P1 faktor genetik

P2 pemberian bahan kimia tertentu

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

ii. Kelebihan ikan hiasan

Bahan 1

P1 menghasilkan baka yang cukup baik kualitinya

P2 perubahan warna

P3 perkembangan bentuk

P4 keadaan sisik mutiara ikan

Bahan 2

P1 mempunyai permintaan yang tinggi oleh peminat ikan hiasan di luar negara

P2 bahan untuk pembuatan kosmetik

P3 mudah dijaga

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

iii. Cabaran-cabaran

P1 masalah pengangkutan

P2 penyakit dan jangkitan

P3 proses pembiakan baka/ penyelidikan dan pembangunan (R&D)

P4 masalah bekalan ikan

P5 kos/modal/harga yang mahal

P6 kurangnya promosi/ pemasaran

(Cabarannya boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum:3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

iv. Cadangan-cadangan

P1 memberikan sokongan moral/ kata-kata semangat/ motivasi

P2 membantu dari segi modal/ sumber kewangan

P3 mengumpulkan maklumat berkaitan penternakan udang harimau/ Internet

P4 mengkaji potensi pasaran/ menyusun strategi

P5 menilai risiko/ peluang/ langkah berjaga-jaga

P6 meningkatkan ilmu pemasaran/ menyertai kursus

P7 mendapatkan khidmat nasihat daripada orang tengah/ agensi kerajaan

(Cadangan-cadangan boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum:4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7 – Petikan Sastera

i. Kesukaran Waheeda

- P1 Singapura bukan tempatnya memandangkan kurang warisan alam semula jadi
P2 etnik pun tidak banyak di Pulau Temasik ini

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

ii. Keistimewaan

Bahan 1

- P1 menyusuri jalan dan lorong yang sarat menyimpan sejarah negara dan bangsa
P2 budaya antara timur dengan barat antara moden dengan tradisi
P3 menikmati kemewahan/ ekonomi meningkat/maju
P4 mengagumi/ kagum akan pembangunan

Bahan 2

- P1 pelancong diberi peluang berbelanja sakan membeli-belah
P2 lawatan ke pasar seni, muzium kraf, pameran artifak, taman-taman tema, taman seni arca, akuarium, planetarium, muzium artifak
P3 kawasan landskap budaya

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

iii. Langkah-langkah

- P1 pendidikan/ kesedaran melalui kempen/forum/ ceramah
P2 pemuliharaan dan penyelidikan tapak warisan sejarah
P3 peningkatan infrastruktur/membaiki jalan/kemudahan pengangkutan
P4 menyediakan maklumat dan panduan dalam bentuk papan tanda/laman web/risalah
P5 kerjasama antara kerajaan, pihak swasta, masyarakat tempatan dan kumpulan arkeologi
P6 membuat promosi melalui pameran fotografi/ceramah/pameran sejarah/media massa/ Internet/ brosur
P7 lawatan oleh ibu bapa/ pihak sekolah

(Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

iv. Tindakan-tindakan

- P1 memilih penginapan yang berkonsepkan hotel hijau yang diperakukan
P2 membeli produk tempatan yang mesra alam
P3 berjalan kaki/menggunakan basikal/pengangkutan awam
P4 berjimat dalam penggunaan air, elektrik dan tenaga yang tidak boleh dibaharui
P5 mengurangkan penghasilan sampah

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8 –Novel

i. Usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menurunkan kadar jenayah

- P1 Kawalan, penguatkuasaan dan pemantauan pihak berkuasa
- P2 pasangkan gril dan kunci rumah dengan baik
- P3 elakkan daripada melalui jalan-jalan sunyi.
- P4 elakkan keluar malam

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8(ii)

ii. **Soalan novel: 6 markah**

- a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
- b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- c) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang betul
- d) Bagi 1 markah bagi huraian yang lengkap/jelas bagi setiap peristiwa
- e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian)
- f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa
- h) Calon tidak menjawab 0 markah.

Peristiwa yang menyentuh perasaan

Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. Peristiwa kematian Sophia yang menghidap penyakit leukemia menyentuh perasaan. Setelah empat tahun hidup bahagia bersama Ustaz Ridhwan, Sophia telah disahkan menghidapi penyakit leukemia tahap kritikal dengan rambut yang gugur dan badan yang semakin kurus. Namun, dia tetap kuat melawan kesakitan yang ditanggungnya tersebut.

Huraian: Tabah menempuh apa-apa jua keperitan hidup walaupun berhadapan dengan ujian yang berat.

2. Peristiwa penduduk di Tanah Melayu yang hidup sengsara akibat kekurangan makanan semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Mereka tidak dapat pergi bekerja atau keluar rumah kerana takut akan tentera Jepun yang sering bertindak kejam.

Huraian: Penderitaan hidup penduduk di Tanah Melayu kerana kekejaman penjajah.

3. Peristiwa Pak Saidi yang mati dibunuh kerana melawan tentera Jepun. Pak Saidi telah menikam tentera Jepun dengan hanya menggunakan sebilah keris sedangkan tentera Jepun lebih ramai dan bersenapang. Pak Saidi telah membunuh lima orang dan mencederakan 15 orang tentera Jepun yang lain semasa dia dipaksa menaiki trak oleh Leftenan Renya Mutuguchi.

Huraian: Keberanian melawan musuh walaupun terpaksa berkorban nyawa.

4. Peristiwa Pak Saidi dihina oleh Guru Besar Steward dengan mengatakan bahawa orang Melayu malas. Oleh sebab itu, orang Melayu hidup miskin.

Huraian: Penghinaan yang terpaksa ditanggung oleh seorang ayah demi memastikan anak-anaknya berjaya.

5. Peristiwa askar Melayu yang kekurangan senjata untuk menentang tentera Jepun. Permintaan mereka tidak dihiraukan apabila mereka meminta kelengkapan senjata daripada pihak Inggeris. Akibatnya, mereka telah kalah dan gugur di medan pertempuran.

Huraian: Askar Melayu terpaksa menentang pihak musuh tanpa senjata yang mencukupi.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

Tirani

1. Peristiwa Waheeda melakukan pembedahan rekonstruksi atau pembinaan semula wajahnya. Waheeda telah melakukan pembedahan pada bahagian hidungnya yang pesek kerana mahu menjadi cantik dan berhidung mancung. Akibat daripada perbuatannya itu, dia dicemburui oleh rakannya, Bazilah dan dituduh curang oleh Zahid kerana anak yang dilahirkannya tidak secantiknya.

Huraian: Kehancuran rumah tangga kerana kecantikan

2. Waheeda berasa sedih apabila Datuk Yasser, bapa mentuanya melabelkan dia sebagai manusia individualistik apabila enggan menerima cadangannya untuk menggabungkan Seri Gading dengan Tajau Emas.

Huraian: Anggapan negatif sedemikian tidak sepatutnya ada dalam fikiran bapa mentua terhadap menantu sehingga menyebabkan menantu bersedih.

3. Peristiwa Waheeda mendapatkan khidmat kaunseling daripada Doktor Qamariah yang menasihati Waheeda agar dia menyedari kesilapan diri atas setiap perkara yang berlaku sehingga berlakunya perceraian dengan Zahid.

Huraian: Tekanan perasaan yang dihadapi oleh seorang isteri akibat perceraian.

4. Peristiwa Zahid bertindak menceraikan Waheeda tanpa usul periksa setelah mendapati wajah bayi mereka langsung tidak mirip wajahnya atau Waheeda. Zahid tidak mahu melihat keputusan ujian DNA yang ditunjukkan oleh Waheeda.

Huraian: Keputusan seorang suami yang terburu-buru dan tanpa menyiasat untuk mengetahui perkara sebenar telah menyebabkan seorang isteri diceraikan.

5. Peristiwa ketidakhadiran Waheeda dalam majlis pertunangannya menyebabkan bapanya, Fadhil berang. Fadhil telah memarahi Raidah kerana keengganan Waheeda balik untuk majlis pertunangannya. Seluruh ahli keluarga terkesan dengan bebelan Fadhil. Hakikatnya, pada masa itu Waheeda tidak sihat kerana mengalami selesema yang membawa kesan buruk terhadap hidungnya yang runtuh kerana baru menjalani pembedahan.

Huraian: Kesihatan yang tidak mengizinkan menyebabkan ketidakhadiran dalam majlis pertunangan telah disalah anggap oleh semua pihak.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- a) Isi maksimum- **20 markah**
 b) Bahasa maksimum- **10 markah**

- (a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan.

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan *nombor* atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja.

- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, **selebihnya tidak perlu diperiksa**.

- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan betul.

- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus daripada setiap bahan.

- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan isi diterima											Markah Maksimum
(i) Pendahuluan													2
(ii) Isi Bahan 1													
Fokus 1 (faktor/punca/sebab)	3	4	4	4	3	3	3	2	2	2	1		
Fokus 2 (impak/kesan/akibat/natijah/implikasi)	2	2	1	1	3	2	2	3	3	2	3		
(iii) Isi Bahan 2													
Fokus 1 (faktor/punca/sebab)	3	1	2	1	1	2	1	2	1	2	2		
(iv) Isi Bahan 3													
Fokus 2 (impak/kesan/akibat/natijah/implikasi)	3	1	1	2	1	1	2	1	2	2	2		
Jumlah Isi	11	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8		
(v) Penutup/Kesimpulan													2
Jumlah Markah													20

16

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8-10 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik • Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5-7 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3-4 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1-2 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan/kurang atau tidak difahami

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik* markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

P1	Rumusan membincangkan faktor-faktor/ punca-punca/ sebab-sebab dan impaknya/ kesan/ akibat/ natijah/ implikasi pemanasan global	2
P2	Rumusan membincangkan faktor-faktor/punca-punca/ sebab-sebab pemanasan global	1
P3	Rumusan membincangkan impaknya/ kesan/ akibat/ natijah/ implikasi pemanasan global	1

Isi [16 markah]

BAHAN 1

Fokus 1 – Faktor-faktor/punca-punca/sebab-sebab

A1	perkembangan dalam bidang perindustrian, perdagangan dan penggunaan mesin	2
A2	Aktiviti pertanian dan penternakan tanpa kawalan	2
A3	faktor semula jadi iaitu letusan gunung berapi	2

Fokus 2– impaknya/kesan/akibat/natijah/implikasi

B1	kawasan tropika mungkin mengalami pertambahan suhu panas melampau berbanding sebelumnya	2
B2	penduduk dunia akan terdedah kepada masalah kemarau yang buruk	2

BAHAN 2

Fokus 1 – Faktor-faktor/ punca-punca/ sebab-sebab

- | | | |
|----|--|---|
| C1 | penghasilan tenaga elektrik di pusat-pusat penjanaan tenaga elektrik yang melepaskan gas karbon dioksida | 2 |
| C2 | pembebasan asap oleh kenderaan bermotor yang menggunakan bahan api fosil (petroleum) | 2 |
| C3 | pembakaran dan penerokaan hutan untuk membuka kawasan pertanian baharu | 2 |

BAHAN 3

Fokus 2 – impaknya/ kesan/ akibat/ natijah/ implikasi

- | | | |
|----|--|---|
| D1 | peningkatan aras laut akibat pencairan ais di kutu | 2 |
| D2 | mengancam sumber makanan dunia | 2 |
| D3 | meningkatkan risiko pelbagai penyakit berkaitan haba | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|----|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, isu pemanasan global haruslah diberi perhatian agar/ supaya dapat memastikan kehidupan tidak terancam pada masa hadapan/ kesejahteraan masyarakat. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, isu pemanasan global haruslah diberi perhatian. | 1 |